



**KEMENTERIAN PERPADUAN NEGARA**

**TEKS UCAPAN PERASMIAN**

**YB SENATOR PUAN SARASWATHY KANDASAMI  
TIMBALAN MENTERI PERPADUAN NEGARA**

**SEMPENA**

**SAMBUTAN MINGGU ARKIB ANTARABANGSA 2024 &  
CAKNA PENGURUSAN REKOD PIHAK BERKUASA  
TEMPATAN (PBT)**

**13 JUN 2024 (KHAMIS)**

**2.30 PETANG**

**DEWAN SIVIK MBPJ  
JALAN YONG SHOOK LIN, PJ NEW TOWN  
PETALING JAYA, SELANGOR**

Terima kasih saudara/ saudari pengacara majlis,  
Salam sejahtera, salam perpaduan dan salam Malaysia  
MADANI

## **SALUTASI**

*\*Disediakan secara berasingan*

## **PENDAHULUAN**

YBhg. Tan Sri, Dato'-dato', Tuan-tuan, Puan-puan dan hadirin yang dihormati sekalian,

1. Pertama sekali marilah kita memanjatkan rasa syukur kerana diberi keizinan kepada kita bersama-sama dalam Majlis Perasmian Sambutan Minggu Arkib Antarabangsa 2024 pada petang yang berbahagia ini. Saya mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan Selamat Menyambut Minggu Arkib Antarabangsa 2024 kepada semua arkivis di Malaysia.
2. Tahniah dan syabas saya ucapkan kepada Arkib Negara atas penganjuran program Sambutan Minggu Arkib Antarabangsa 2024 bermula pada 7 hingga 14 Jun 2024. Pelbagai pengisian program dirancang secara fizikal dan dalam talian sepanjang tempoh penganjuran majlis

sambutan ini. Selari dengan aspirasi program “**Ini Warisan Kita**” dan “**Semarak Perpaduan**” di bawah inisiatif Kementerian Perpaduan Negara, sambutan ini adalah manifestasi usaha untuk memelihara dan melestarikan bahan arkib sebagai khazanah negara dalam memupuk integrasi nasional. Selain itu, ia juga mendukung hasrat Kerajaan untuk melahirkan generasi bermaklumat serta memiliki semangat perpaduan yang tinggi.

**TEMA SAMBUTAN MINGGU ARKIB ANTARABANGSA -  
#CYBERARCHIVES**

Tuan-tuan dan puan-puan yang dihormati sekalian,

3. Saya dimaklumkan bahawa tema Sambutan Minggu Arkib Antarabangsa 2024 adalah **#CyberArchives**. Istilah dunia siber pertama kali digunakan oleh William Gibson seorang penulis sains fiksi dalam bukunya bertajuk *Neuromancer* tahun 1984. Istilah ini telah menjadi suatu perkataan yang sangat biasa dan digunakan secara meluas untuk menggambarkan segala sesuatu yang berkaitan dengan dunia digital, teknologi maklumat dan pelbagai budaya internet.

4. ***“The archives mediates time and space, the task of archive is to make you hear, to make you feel and above all to make you see. Will the new generation of cyber archives be accessible, decolonised, norm critical and counter hegemonic to dominant forms of knowledge?”***. Ali Aktar Metha, seorang pengkaji Cyber Archives menyatakan bahawa istilah tersebut merujuk kepada ***“their roles and responsibilities as collective memory, as the embodiment of the witness, and as a location of culture”***.
5. Pemilihan tema **#CyberArchives** oleh *International Council on Archives* sebagai tema Sambutan Minggu Arkib Antarabangsa 2024 bertepatan dengan peranan dan tanggungjawab yang dimainkan oleh semua institusi kearkiban seluruh dunia termasuklah Arkib Negara.
6. Dalam landskap transformasi digital yang berkembang pesat, kita dapat melihat Arkib Negara memainkan peranan yang besar dalam mengukuhkan kerjasama serta rangkaian di kalangan institusi arkib dan arkivis di seluruh dunia untuk memelihara bahan arkib bagi memastikan ketersediaan dan kebolehcapaian kepada masyarakat dan generasi akan datang.

## ADAPTASI BIDANG KEARKIBAN DENGAN TEKNOLOGI BAHARU

Tuan-tuan dan puan-puan yang dihormati sekalian,

7. Bidang pengurusan rekod dan arkib kini bukan sahaja perlu disesuaikan dengan pendigitalan tetapi juga harus menangani cabaran dan peluang yang dibawa oleh teknologi kecerdasan buatan (*Artificial Intelligence- AI*), *Blockchain*, *Cloud Computing*, *Internet of Things (IoT)* dan teknologi lain yang bakal muncul. Oleh itu, Arkib Negara perlu memainkan peranan penting dalam menerima pakai dan berupaya menyesuaikan diri dengan perubahan yang berlaku. Pada masa yang sama arkivis juga perlu melengkapkan diri dengan pengetahuan teknologi terkini untuk menyerlahkan diri sebagai profesional di dalam dan di luar negara.
  
8. Di era digital ini, maklumat daripada bahan arkib dapat menyediakan bukti tindakan dan transaksi kepada hak individu, masyarakat, organisasi dan negara. Dengan menjamin hak rakyat untuk mengakses maklumat rasmi dan pengetahuan tentang sejarah ianya menjadi asas kepada identiti, demokrasi, akauntabiliti dan tadbir urus yang baik. Arkib Negara menyediakan maklumat yang

boleh diakses pada masa kini dan akan datang selaras dengan peningkatan jumlah saluran media dan komunikasi.

9. Capaian dan akses kepada bahan arkib dapat menjadikan masyarakat bermaklumat yang mampu membuat keputusan secara telus, memelihara warisan khazanah negara sekali gus dapat memupuk semangat perpaduan. Bagi memperkasakan tatakelola dan integriti dalam pengurusan rekod dan arkib, proses pindaan Akta Arkib 2003 (Akta 629) telah hampir selesai. Ini bagi memperkukuhkan penggunaan bahan arkib dari segi perundangan sebagai bahan bukti di mahkamah dan institusi perundangan.
  
10. Rujukan bahan arkib dan maklumat lain secara dalam talian secara meluas adalah seiring dengan saranan Kerajaan untuk meningkatkan 80% penyampaian perkhidmatan kepada rakyat secara digital menjelang 2025. Arkib Negara telah melaksanakan secara berperingkat melalui beberapa sistem yang diwujudkan untuk memberikan perkhidmatan terbaik atas talian seperti *Computerised Archival System and Services (COMPASS)*, *Online Finding Aids (OFA)*, Eksplorasi Negarawan (e-Negarawan) dan Aplikasi Hari Ini Dalam

Sejarah (HIDS) yang sememangnya selari dengan Dasar Perpaduan Negara melalui Teras Perpaduan 1 iaitu Patriotisme dan Demokrasi.

**PROGRAM CAKNA PENGURUSAN REKOD PIHAK BERKUASA TEMPATAN (PBT) & SOKONGAN KEPADA ARKIB NEGARA**

Tuan-tuan dan puan-puan yang dihormati sekalian,

11. Saya difahamkan juga bahawa pengisian kepada Sambutan Minggu Arkib Antarabangsa 2024 pada hari ini adalah Program Cakna Pengurusan Rekod Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) yang dianjurkan dengan kerjasama Majlis Bandaraya Petaling Jaya dan telah bermula pagi tadi. Harapan saya program cakna dan kerjasama ini dapat diteruskan kepada agensi lain seperti Agensi Kerajaan Negeri, Agensi Badan-badan Berkanun dan Syarikat Berkaitan Kerajaan (GIC).
12. Kementerian Perpaduan Negara sentiasa memberikan sokongan dan kepercayaan kepada Arkib Negara sebagai salah sebuah agensi di bawahnya untuk terus berusaha melaksanakan visi dan misinya dalam memelihara dan memasyarakatkan memori institusi negara. Semoga sikap

profesionalisme para arkivis di Arkib Negara Malaysia dalam memacu bidang kearkiban di dalam era transformasi digital ini mampu mengangkat martabat Arkib Negara Malaysia sebagai organisasi arkib yang relevan dan kekal lama bertahan dalam menongkah arus kepesatan teknologi dan pembangunan negara sejajar dengan Matlamat 16 dalam Pembangunan Mampan 2030 atau *Sustainable Development Goals (SDG) 2030 – Peace, Justice and Strong Institutions*.

## **PENUTUP**

13. Akhir kata, sekali lagi saya ingin merakamkan ucapan setinggi-tinggi tahniah dan terima kasih kepada Arkib Negara, tetamu jemputan, panel penceramah dan peserta yang menjayakan sambutan ini.
  
14. Saya dengan sukacitanya merasmikan **Sambutan Minggu Arkib Antarabangsa Tahun 2024** dan **Program CAKNA Pengurusan Rekod Pihak Berkuasa Tempatan (PBT)** pada hari ini.

Sekian, terima kasih.